Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Tiga

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Tiga AMMB Holdings Berhad ("Syarikat") akan diadakan di Manhattan II, Aras 14, Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 21 Ogos 2014, jam 10.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:

Perkara	Agenda	Resolusi
Sebagai Urusan Biasa		
1.	Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.	
2.	Untuk meluluskan dividen tier tunggal terakhir sebanyak 16.9% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.	Resolusi No. 1
3.	Untuk meluluskan kenaikan yuran Pengarah kepada RM210,000.00 setahun untuk Pengerusi Bukan Eksekutif dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000.00 setahun untuk setiap Pengarah Bukan Eksekutif, dan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM2,186,575.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.	Resolusi No. 2
4.	Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat:	
	i. Y Bhg Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow	Resolusi No. 3
	ii. Encik Mark David Whelan	Resolusi No. 4
	iii. Encik Soo Kim Wai	Resolusi No. 5
5.	Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian meluluskan resolusi-resolusi berikut menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965:	
	5.1 "BAHAWA Y Bhg Tan Sri Azman Hashim, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya."	Resolusi No. 6
	5.2 "BAHAWA Y Bhg Dato' Azlan Hashim, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya."	Resolusi No. 7
	5.3 "BAHAWA Y A Bhg Tun Mohammed Hanif bin Omar, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya."	Resolusi No. 8
	5.4 "BAHAWA Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya."	Resolusi No. 9
6.	Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young, Juruaudit yang akan bersara, dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.	Resolusi No. 10
Sebagai Urusan Khas		
	Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa:	
7.	**Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat, Menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat** "BAHAWA menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat ("ESS") yang diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 26 September 2008, para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham biasa baru Syarikat dari masa ke semasa untuk tujuan ESS, dengan syarat jumlah saham biasa baru dan yang sedia ada dalam Syarikat yang akan diperuntukkan dan diterbitkan dan/atau dipindahkan, menurut keperluan, di bawah ESS, tidak melebihi sepuluh peratus (10%) dalam agregat daripada jumlah terbitan modal saham biasa berbayar Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESS."	Resolusi No. 11
8.	**Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat kepada Encik Ashok Ramamurthy, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, Menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat.** "BAHAWA tertakluk kepada kelulusan Resolusi No. 11 di atas, para Pengarah Syarikat adalah dengan ini diberi kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan bilangan saham baru dalam Syarikat kepada Encik Ashok Ramamurthy, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, dari semasa ke semasa menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 26 September 2008 dan menurut Undang-undang Kecil yang dinyatakan dalam Apendiks I Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 4 September 2008 and seperti dipinda pada 28 Jun 2011."	Resolusi No. 12

Perkara	Agenda	Resolusi
9.	**Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat, untuk Tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen Syarikat** "BAHAWA para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham biasa baru Syarikat dari semasa ke semasa untuk tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen Syarikat yang telah diluluskan oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang telah diadakan pada 2 September 2010, yang memberikan opsyen kepada pemegang saham untuk membuat pelaburan semula terhadap dividen tunai mereka ke dalam saham biasa baru Syarikat."	Resolusi No. 13
10.	**Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965** "BAHAWA tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut, mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah, asalkan agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat buat tempoh ini."	Resolusi No. 14
11.	Untuk melaksanakan urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diterima.	

NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA dividen tier tunggal terakhir sebanyak 16.9% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014, jika diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Tiga, akan dibayar pada 12 September 2014 kepada para pemegang saham yang namanya disenaraikan dalam Rekod Pendeposit pada 29 Ogos 2014.

Pendeposit hanya akan layak untuk haknya jika:

a. Saham dipindahkan ke akaun sekuriti pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 29 Ogos 2014 bagi pindahan biasa; dan

b. Saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Koid Phaik Gunn (MAICSA 7007433)
Setiausaha Syarikat Kumpulan

Kuala Lumpur
30 Julai 2014

Nota-nota:

(1) Ahli Syarikat yang berhak untuk hadir dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") adalah berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi sebagai pengganti beliau. Di mana ahli Syarikat melantik dua (2) proksi, pelantikan adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan perkadaran pemegangan beliau untuk diwakili oleh setiap proksi.

(2) Proksi tidak perlu menjadi ahli Syarikat. Tidak ada sekatan kepada kelayakan proksi. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi pada AGM akan mempunyai hak yang sama seperti ahli Syarikat untuk bersuara di AGM.

(3) Di mana apabila ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan menurut takrif Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA"), ia boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegang olehnya dalam saham biasa Syarikat dengan kedudukan kredit akaun sekuriti tersebut. Pelantikan adalah tidak sah melainkan perkadaran pemegangan yang diwakili oleh setiap proksi dinyatakan didalam suratcara pelantikan proksi.

(4) Di mana ahli Syarikat adalah nomini yang dikecualikan yang dibenarkan memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk pemilik benefisial berbilang dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik berhubung dengan setiap akaun omnibus yang ia pegang. Nomini yang dikecualikan merujuk kepada nomini yang dibenarkan ditakrif di bawah SICDA, yang dikecualikan daripada pematuhan menurut peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA. Pelantikan adalah tidak sah melainkan perkadaran pemegangan yang diwakili oleh setiap proksi dinyatakan di dalam suratcara pelantikan proksi.

(5) Suratcara pelantikan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau, bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi atau proksi-proksi hendaklah di bawah meterai atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya.

(6) Suratcara pelantikan proksi mestilah didepositkan di Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd di Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan AGM atau pada mana-mana penangguhannya.

(7) Hanya Ahli-ahli yang namanya disenaraikan dalam Rekod Pendeposit mesyuarat agung Syarikat pada 14 Ogos 2014 akan layak untuk menghadiri AGM.

(8) **Nota kepada Resolusi No. 2 – Cadangan Kenaikan dan Pembayaran Yuran Pengarah**

Cadangan kenaikan yuran Pengarah adalah seperti berikut, jika diluluskan, akan berkuatkuasa dari tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014:-

	Semasa (RM)	Cadangan (RM)
Pengerusi Bukan Eksekutif	100,000.00	210,000.00
Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif	95,000.00	210,000.00
Pengarah Bukan Eksekutif	90,000.00	200,000.00

Cadangan kenaikan yuran Pengarah adalah untuk menyelaras kepada amalan industri, dan memberi imbuhan setimpal dengan peranan dan tugas fidusiari dan tanggungjawab yang besar sebagai pengarah di sebuah kumpulan institusi kewangan.

(9) **Nota kepada Resolusi No. 3 dan No. 9 – Penilaian Kebebasan Pengarah Bebas**

Kebebasan Y Bhg Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow dan Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Kumpulan dan disahkan oleh Lembaga Pengarah.

(10) **Nota kepada Resolusi No. 11 dan No. 12 – Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat, Menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat dan Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat kepada Encik Ashok Ramamurthy, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat, Menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat**

Resolusi Biasa No. 11 dan 12, jika diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa baru dalam Syarikat menurut Skim Saham Eksekutif Syarikat dan selaras dengan Undangundang Kecil yang dibentangkan dalam Apendiks I Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 4 September 2008 and seperti mana dipinda pada 28 Jun 2011.

Kuasa yang diberikan oleh mandat/kelulusan yang diperbaharui akan berkuatkuasa dari tarikh AGM akan datang dan melainkan dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan tamat pada AGM berikutnya.

(11) **Nota kepada Resolusi No. 13 - Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Saham Biasa Baru Syarikat, untuk Tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen Syarikat**

Resolusi Biasa No. 13, jika diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa baru menurut terma-terma dan syarat-syarat Pelan Pelaburan Semula Dividen Syarikat ("DRP") yang terkandung dalam Penyata DRP yang dibentangkan dalam Apendiks I Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 11 Ogos 2010 (sebagaimana mungkin dipinda selaras dengan peruntukan DRP tersebut).

Kuasa yang diberikan oleh mandat/kelulusan baru akan berkuatkuasa daripada tarikh AGM akan datang dan melainkan dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan tamat pada AGM berikutnya.

Para Pengarah Syarikat tidak memperuntukkan, atau menerbitkan saham biasa mengikut kuasa yang diberikan oleh para pemegang saham pada AGM yang lalu.

(12) **Nota kepada Resolusi No. 14 - Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**

Resolusi Biasa No. 14, jika diluluskan, akan memberi para Pengarah Syarikat dari tarikh AGM akan datang, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbit saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah agregat tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan, pada masa ini, bila dan apabila keperluan atau peluang perniagaan timbul di mana para Pengarah mengganggap demi kepentingan terbaik Syarikat dan/atau berkaitan dengan cadangan yang telah diluluskan sebelumnya oleh para pemegang saham untuk penerbitan saham. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan tamat pada AGM berikutnya.

Para Pengarah Syarikat tidak memperuntukkan, atau menerbitkan saham biasa mengikut kuasa yang diberikan oleh para pemegang saham pada AGM yang terdahulu.